

06 FEB 1998

Komanwel-Serentak

SARANAN PM SUPAYA PRA-SUKOM DIJALANKAN SERENTAK DISAMBUT BAIK

KUALA LUMPUR, 6 Feb (Bernama) -- Beberapa persatuan sukan yang terlibat dengan Sukan Kuala Lumpur '98 menyambut baik saranan Perdana Menteri supaya kejohanan pra Sukan Komanwel itu dijalankan serentak seolah-olah kejohanan sebenar bermula.

Walaupun tidak semua persatuan terlibat dengan cadangan Perdana Menteri supaya kejohanan itu dijalankan serentak, mereka menerima baik cadangan itu di samping untuk menguji semua peralatan serta kemudahan-kemudahan lain seperti sistem pengangkutan, gerak kerja pegawai teknikal dan sukarelawan berjalan lancar tanpa menghadapi masalah.

Semalam, Dr Mahathir mahu kejohanan pra Sukan Komanwel diadakan serentak pada lima gelanggang utama di Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil dan bukannya secara berperingkat seperti dirancang sebelum ini.

Lima acara sukan itu ialah olahraga, akuatik, gimnastik, hoki dan skuasy.

Sebanyak 16 jenis sukan dipertandingkan pada Kuala Lumpur '98 dari 11 hingga 21 Sept dengan kebanyakan persatuan sukan mengadakan pra-pertandingan berasingan pada Mei dan Jun.

Menteri Belia dan Sukan Tan Sri Muhyiddin Yassin semalam mencadangkan tarikh terbaik menganjurkan kejohanan pra Sukan Komanwel secara serentak ialah pada Jun kerana ketika itu sistem pengangkutan LRT ke Kompleks Sukan Bukit Jalil dijangka siap untuk diuji penggunaannya.

Setiausaha Kehormat Persekutuan Gimnastik Malaysia (MGF) N.Shanmugarajah mengalu-alukan saranan Perdana Menteri supaya pra Sukan Komanwel dijalankan serentak dengan sukan-sukan lain.

"Persatuan tidak mempunyai masalah jika pra Sukan Komanwel dijalankan serentak ... tapi Sukom Ninety Eight Berhad haruslah memaklumkan kepada persatuan tarikh sebenar supaya tidak menimbulkan masalah kepada persatuan," katanya.

Beliau berkata Sukom harus memaklumkan kepada persatuan tarikh itu secepat mungkin supaya persatuan dapat mengubah rancangan latihan mereka serta penyertaan pasukan negara di kejohanan-kejohanan antarabangsa sebagai persediaan untuk Sukan Komanwel September ini.

Shanmugarajah berkata mengikut perancangan asal MGF, mereka akan mengadakan pra Sukan Komanwel awal Jun dan akan mula menghantar surat jemputan kepada negara-negara terlibat bermula akhir bulan ini.

Bagi Persatuan Badminton Malaysia (BAM), sebarang perubahan tarikh untuk menganjurkan pra-Sukan Komanwel tidak menimbulkan sebarang masalah jika ianya tidak bercanggah dengan tarikh Pusingan Akhir Piala Thomas-Piala Uber di Hong Kong dari 17 hingga 24 Mei.

BAM telah menetapkan 15 hingga 21 Jun bagi pra-Sukan Komanwel badminton dan Setiausaha Kehormatnya Datuk Mohamed Al-Amin Abdul Majid berkata, terpulanglah kepada Jawatankuasa Sukan Komanwel untuk sama ada menyenaraikan badminton serentak dengan lima acara yang menggunakan gelanggang di Bukit Jalil.

"Kita tidak mungkin menghadapi sebarang masalah terutamanya dari segi logistik kerana acara badminton diadakan di Stadium Badminton KLBA, Cheras tetapi jika mereka mahu kita menganjurkan kejohanan pra-Sukan Komanwel itu serentak, apa salahnya," katanya ketika dihubungi di Ipoh.

Beliau juga membayangkan tarikan penonton terhadap acara badminton mungkin tidak terjejas sekalipun diadakan serentak dengan sukan-sukan lain kerana badminton terbukti sebagai antara sukan yang mampu memberikan pingat

buat Malaysia pada Sukan Komanwel.

Sementara itu, presiden Persekutuan Kebangsaan Lumba Basikal Malaysia (PKLBM) Abu Samah Wahab berkata jika semua acara sukan yang terlibat dengan Sukan Komanwel diadakan serentak akan menjadikan kejohanan itu seolah-olah kejohanan sebenar di samping menguji peralatan serta kemudahan di gelanggang itu.

"Walaupun lumba basikal tidak termasuk dalam lima acara sukan yang dicadangkan supaya diadakan serentak, tetapi jika ia diadakan secara serentak akan memeriahkan lagi kejohanan itu," katanya.

Setiausaha Kehormat Persekutuan Hoki Malaysia (PHM) S.Satgunam berkata skuad hoki negara tidak mempunyai masalah jika kejohanan pra-Sukan Komanwel diadakan serentak pada Jun ini kerana ia tidak semestinya membabitkan pasukan kebangsaan.

"Skuad negara tidak semestinya terbabit dengan kejohanan pra-Sukan Komanwel pada masa yang dicadangkan oleh Perdana Menteri kerana kita boleh mengadakan kejohanan jemputan seperti kejohanan empat penjuru dengan menjemput pasukan kebangsaan dari luar negara mahupun pasukan dari peringkat kelab," kata Satgunam apabila dihubungi hari ini.

Namun begitu beliau tidak menolak kemungkinan skuad hoki kebangsaan akan bertanding dalam kejohanan pra-Sukan Komanwel jika ianya dilangsungkan selepas kejohanan Hoki Piala Dunia di Utrecht Belanda pada 20 Mei hingga 1 Jun ini.

"Kami akan berbincang terlebih dahulu dengan pihak terbabit sebelum menyertai kejohanan pra-Sukom tersebut...bagaimanapun jika pra Sukan Komanwel diadakan sebelum Piala Dunia, kemungkinan pasukan kebangsaan tidak akan mengambil bahagian," katanya.

Beliau berkata tujuan utama kejohanan pra-Sukan Komanwel sebenarnya untuk menguji keupayaan dan keberkesanan kemudahan asas dan gelanggang yang akan digunakan untuk Sukan Komanwel dan bukannya keupayaan skuad hoki negara. -- BERNAMA

TEAM AHH